



RUMUSAN AUDIT

Kedudukan kewangan adalah **stabil**; aktiviti telah dilaksana **mengikut objektif** penubuhan; serta amalan tadbir urus korporat adalah **baik**.



Syarikat Berhad Menurut Syer

modal saham berbayar

RM640.57 juta

PENCAPAIAN OUTPUT



Prestasi pencapaian kewangan **tidak sepenuhnya mencapai sasaran** yang ditetapkan bagi tahun 2019 hingga 2021.

PENCAPAIAN KEBERHASILAN



RM35.05 juta bayaran dividen daripada 6 syarikat subsidiari

Tiada bayaran dividen kepada pemegang saham.

PENGURUSAN AKTIVITI



12 daripada 25 syarikat subsidiari **berstatus dorman**



Perjanjian pendahuluan dan jadual bayaran balik **tidak disediakan**

MENTRI BESAR, TRENGGANU (INCORPORATED)

TERENGGANU INCORPORATED SDN. BHD.

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB) merupakan sebuah syarikat subsidiari milik penuh kepada Menteri Besar, Trengganu (Incorporated) [MBI]. TISB telah diperbadankan pada 1 Mac 2006 di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah syarikat berhad menurut syer. TISB mempunyai modal berbayar berjumlah RM640.57 juta terdiri daripada RM207.71 juta saham biasa dan RM432.86 juta saham keutamaan bukan kumulatif boleh tebus.
- Pengauditan melibatkan pengurusan TISB bagi tahun 2019 hingga September 2022 meliputi tiga aspek utama audit iaitu kedudukan kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat.
- Analisis kedudukan kewangan dijalankan berdasarkan penyata kewangan beraudit TISB dan syarikat subsidiari yang aktif (termasuk satu syarikat subsidiari semiaktif¹) bagi tahun kewangan 2019, 2020 dan 2021. Penilaian ini melibatkan analisis prestasi pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan/kerugian sebelum cukai; aset, liabiliti, aliran tunai dan dana pemegang saham; serta analisis nisbah kewangan.
- Pengauditan aktiviti dinilai terhadap dua bidang utama iaitu prestasi aktiviti dan pengurusan aktiviti syarikat bagi tahun 2019 hingga 2022. Prestasi aktiviti dinilai berdasarkan pencapaian output dan keberhasilan. Pencapaian output dinilai melalui prestasi kewangan TISB dalam melaksanakan aktivitinya manakala pencapaian keberhasilan dinilai berdasarkan pencapaian TISB dan syarikat subsidiari dalam memenuhi kehendak pemegang saham. Bagi pengurusan aktiviti, pihak Audit telah menilai pengurusan TISB dalam pelaburan termasuk peranan dan tanggungjawab TISB terhadap syarikat subsidiari.
- Bagi tadbir urus korporat, penilaian dilaksanakan terhadap 10 aspek iaitu Pengurus; Lembaga Pengarah; Setiausaha Syarikat; Presiden & Pengarah Eksekutif; Prosedur Operasi Standard (SOP); Pelan Perniagaan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI);

¹ Semiaktif ialah syarikat yang tidak menjalankan operasi mengikut tujuan penubuhan syarikat tetapi mempunyai pendapatan dan perbelanjaan tetap.

Jawatankuasa Audit (JKA); Audit Dalam; Jawatankuasa Pencalonan; dan Jawatankuasa Imbuhan.

**Mengapa ia
penting untuk
diaudit?**

- Aktiviti TISB adalah sebagai sebuah syarikat pegangan pelaburan yang mengurus dan memantau semua bentuk aktiviti perniagaan komersial dan pelaburan Kerajaan negeri. Sehubungan itu, pengauditan dijalankan untuk menilai objektif TISB dalam pelaburan termasuk peranan dan tanggungjawab TISB terhadap syarikat subsidiari.

**Apa yang
ditemui
Audit?**

- Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan TISB adalah stabil dengan merekodkan keuntungan sebelum cukai sejumlah RM10.46 juta pada tahun 2020 dan RM8.50 juta pada tahun 2021. Keuntungan ini menjadikan kerugian terkumpul menurun kepada RM8.51 juta pada tahun 2021 berbanding RM20.61 juta pada tahun 2019.
- TISB melaksanakan aktiviti pelaburan melalui pegangan saham dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu, lain-lain pelaburan dan pelaburan tersiar harga. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:
 - Prestasi Aktiviti TISB:
 - sasaran terhadap pendapatan utama tidak dicapai bagi tahun 2019 dan 2020;
 - sasaran bagi lain-lain pendapatan dan keuntungan sebelum cukai tidak dicapai bagi tahun 2019 dan 2021;
 - perbelanjaan operasi melebihi sasaran yang ditetapkan pada setiap tahun manakala perbelanjaan kewangan melebihi sasaran pada tahun 2019 dan 2020; dan
 - sebanyak enam daripada 24 syarikat subsidiari membayar dividen bagi tahun 2019 hingga 2021.
 - Pengurusan Aktiviti TISB:
 - sebanyak 12 daripada 25 syarikat subsidiari pada tahun 2022 berstatus dorman termasuk 10 syarikat yang diambil alih/ditubuhkan selepas Reorganization Exercise (RE); dan
 - perjanjian dan jadual bayaran balik pendahuluan kepada syarikat subsidiari dan syarikat Kumpulan TISB tidak disediakan.

Apa yang disyorkan Audit?

- Amalan tadbir urus korporat adalah baik namun penambahbaikan boleh dibuat bagi aspek Lembaga Pengarah dan JKA.
- Bagi meningkatkan prestasi kewangan dan pengurusan syarikat subsidiari, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah perlu mengambil langkah yang proaktif dan berkesan bagi menangani perkara yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan TISB memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:
 - memastikan syarikat subsidiari beroperasi mengikut tujuan penubuhan supaya TISB mendapat pulangan terhadap pelaburan yang dibuat;
 - mengambil tindakan terhadap syarikat subsidiari yang berstatus dorman bagi mengurangkan tanggungan kewangan TISB; dan
 - menyediakan perjanjian dan jadual bayaran balik bagi pendahuluan yang diberi kepada syarikat subsidiari dan syarikat kumpulan bagi memastikan bayaran balik dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan.

MENTRI BESAR, TRENGGANU (INCORPORATED)

TERENGGANU INCORPORATED SDN. BHD.

FAKTA UTAMA		
01.03.2006 Diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965	RM640.57 juta Modal berbayar terdiri daripada saham biasa RM207.71 juta dan saham keutamaan bukan kumulatif boleh tebus RM432.86 juta	RM8.50 juta Keuntungan sebelum cukai pada tahun 2021
Visi	Menjadi sebuah badan pelaburan strategik utama Kerajaan negeri yang memberi nilai yang mampan untuk negeri Terengganu	RM8.51 juta Kerugian terkumpul pada tahun 2021
Aktiviti Utama	Syarikat pegangan pelaburan yang mengurus dan memantau semua bentuk aktiviti perniagaan komersial dan pelaburan Kerajaan negeri	
Jenis Syarikat	Syarikat berhad menurut syer	


1. LATAR BELAKANG

1.1. Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB) merupakan sebuah syarikat subsidiari kepada Menteri Besar, Trengganu (Incorporated) [MBI]. TISB telah diperbadankan pada 1 Mac 2006 di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah syarikat berhad menurut syer. TISB mempunyai modal berbayar berjumlah RM640.57 juta terdiri daripada RM207.71 juta saham biasa dan RM432.86 juta saham keutamaan bukan kumulatif boleh tebus (RNCPS). Aktiviti TISB adalah sebagai sebuah syarikat pegangan pelaburan yang mengurus dan memantau semua bentuk aktiviti perniagaan komersial dan pelaburan Kerajaan negeri.

1.2. Penubuhan TISB adalah bertujuan menggabungkan portfolio pelaburan negeri yang sebelum ini dilaksanakan melalui agensi Kerajaan negeri di bawah satu pengurusan bagi mendapatkan pulangan yang optimum melalui *Reorganization Exercise* (RE) pada 1 Mac 2007. Tiga objektif TISB adalah sebagai penasihat dan perunding kepada Kerajaan, perniagaan, komersial dan industri; melabur dana dalam bentuk saham, debentur dan sebagainya; serta melabur dalam bentuk hartanah.

1.3. Visi TISB adalah untuk menjadi sebuah badan pelaburan strategik utama Kerajaan negeri yang memberi nilai yang mampan untuk negeri Terengganu. Misi TISB pula adalah untuk mengukuhkan prestasi kewangan syarikat, berdaya saing dalam sektor strategik negeri, menjadi organisasi berprestasi tinggi serta membawa aspirasi negeri dan mewujudkan nilai kepada pihak berkepentingan.


1.4. TISB mempunyai lapan ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada dua pengarah bebas dan enam pengarah bukan bebas. Pengurusan TISB pula diketuai oleh seorang Presiden yang turut merupakan ahli Lembaga Pengarah. Setakat 13 September 2022, TISB mempunyai 74 kakitangan terdiri daripada 67 kakitangan tetap dan tujuh kakitangan kontrak. Carta organisasi TISB pada 13 September 2022 adalah seperti dalam **Carta 1**.



1.5. Setakat 13 September 2022, TISB mempunyai pegangan saham antara 40% hingga 100% dalam 25 syarikat subsidiari merangkumi enam sektor perniagaan. Syarikat Eastern Pacific Industrial Corporation Berhad (EPIC) diiktiraf sebagai syarikat subsidiari bermula 1 Januari 2022 walaupun pegangan saham hanya sebanyak 40% kerana pemegang saham majoriti EPIC iaitu Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT) telah menyerahkan kuasa dan melantik TISB sebagai proksi LTAWNT dalam EPIC. Bagi syarikat Ladang Rakyat Terengganu Sdn. Bhd. pula, TISB mempunyai pegangan secara tidak langsung melalui anak syarikat TDM Berhad iaitu Kumpulan Ladang-Ladang Terengganu Sdn. Bhd. (11.4%) walaupun pegangan saham TISB hanya sebanyak 43%. Daripada 25 syarikat subsidiari ini, sebanyak 12 syarikat adalah aktif, satu syarikat semiaktif¹ dan 12 syarikat berstatus dorman. Struktur pegangan TISB dalam syarikat subsidiari mengikut sektor perniagaan adalah seperti dalam **Carta 2**.

¹ Semiaktif ialah syarikat yang tidak menjalankan operasi mengikut tujuan penubuhan syarikat tetapi mempunyai pendapatan dan perbelanjaan tetap.

CARTA 2
STRUKTUR PEGANGAN TISB MENGIKUT SEKTOR PERNIAGAAN



Sumber: TISB

Nota: (*) - juga terlibat dalam sektor kesihatan

● - Aktif ● - Semiaktif ● - Dorman

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menentukan sama ada prestasi kewangan TISB adalah kukuh melalui pengurusan aktiviti yang cekap selaras dengan amalan tadbir urus korporat yang baik.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini melibatkan penilaian dari aspek analisis kedudukan kewangan TISB dan syarikat subsidiari bagi tahun kewangan 2019, 2020 dan 2021. Analisis kewangan dijalankan berdasarkan penyata kewangan beraudit TISB dan syarikat subsidiari yang aktif (termasuk satu syarikat subsidiari semiaktif) seperti dalam **Carta 3** dan **Jadual 1**.

CARTA 3
JUMLAH SYARIKAT SUBSIDIARI YANG DIBUAT ANALISIS KEWANGAN
BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021



Sumber: Kumpulan Kewangan Korporat dan Pelaburan

JADUAL 1
SYARIKAT SUBSIDIARI TISB YANG AKTIF DAN DINILAI PRESTASI KEWANGAN

SYARIKAT											
1.	Ladang Rakyat Trengganu Sdn. Bhd. (LRT)	7.	Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU)								
2.	GPQ Sdn. Bhd. (GPQ)	8.	Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd. (SPYIT)								
3.	TDM Berhad (TDM)	9.	Hartanah Terengganu Sdn. Bhd. (HTSB)								
4.	YTYI Sdn. Bhd. (YTYI)	10.	Golden Pharos Berhad (GPB)								
5.	Husa Network Sdn. Bhd. (HNSB)	11.	TI Global Food Holdings Ltd. (TIGFH)								
6.	TI Properties Sdn. Bhd. (TIP)	12.	TI Hotels & Resorts Management Sdn. Bhd. (TIHRM)*								

Sumber: Kumpulan Kewangan Korporat dan Pelaburan

Nota: (*) - semiaktif

3.2. Bagi prestasi aktiviti, pencapaian output dan keberhasilan dinilai bagi tahun 2019 hingga 2021 manakala pengurusan aktiviti meliputi tahun 2019 hingga September 2022. Pencapaian output dinilai melalui prestasi kewangan TISB dalam melaksanakan aktivitinya manakala pencapaian keberhasilan dinilai berdasarkan pencapaian TISB dan syarikat subsidiari dalam memenuhi kehendak pemegang saham. Bagi pengurusan aktiviti, pihak Audit telah menilai pengurusan TISB dalam pelaburan termasuk peranan dan tanggungjawab TISB terhadap syarikat subsidiari.

3.3. Selain itu, pengauditan ini juga meliputi pemantauan terhadap amalan tadbir urus korporat syarikat. Bagi tadbir urus korporat, penilaian dilaksanakan terhadap 10 aspek iaitu Pengerusi; Lembaga Pengarah; Setiausaha Syarikat; Presiden & Pengarah Eksekutif; Prosedur Operasi Standard (SOP); Pelan Perniagaan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI); Jawatankuasa Audit (JKA); Audit Dalam; Jawatankuasa Pencalonan; dan Jawatankuasa Imbuhan.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

4.1. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan TISB serta menganalisis data berkaitan. Bagi analisis kedudukan kewangan, penilaian dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan beraudit syarikat bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 yang telah diaudit oleh Tetuan Ernst & Young PLT. Penilaian ini melibatkan analisis prestasi pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan/kerugian sebelum cukai; aset, liabiliti, aliran tunai dan dana pemegang saham; serta analisis nisbah kewangan. Prestasi kedudukan kewangan turut dinilai melalui MyGLC Score oleh Jabatan Audit Negara (JAN).

4.2. Prestasi aktiviti pula dinilai melalui pelaksanaan dan pencapaian objektif TISB. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai TISB juga telah diadakan untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Ogos dan September 2022. Penemuan Audit dan maklum balas TISB telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 9 November 2022. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti perenggan berikut:

5.1. Prestasi Aktiviti


a. Aktiviti TISB adalah sebagai sebuah syarikat pegangan pelaburan yang mengurus dan memantau semua bentuk aktiviti perniagaan komersial dan pelaburan Kerajaan negeri. Pegangan ekuiti dalam TISB terdiri daripada enam pemegang saham iaitu MBI, Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT), LTAWNT, Yayasan Terengganu (YT), Yayasan Islam Terengganu (YIT) dan Yayasan Pembangunan Keluarga Negeri Terengganu (YPKT) seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEGANGAN EKUITI DALAM TISB

PEMEGANG SAHAM	JENIS SAHAM		
	SAHAM BIASA (RM Juta)	RNCPS A (RM Juta)	RNCPS B (RM Juta)
MBI	207.71	-	-
PMINT	-	296.76	-
YPKT	-	-	0.21
Lembaga Pemegang Amanah YT	-	26.91	8.86
Lembaga Pemegang Amanah YIT	-	22.49	5.48
LTAWNT	-	42.15	30.00
JUMLAH	207.71	388.31	44.55
JUMLAH KESELURUHAN	640.57		

Sumber: Setiausaha Syarikat

- b. TISB menjalankan aktiviti dengan membuat pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan lain-lain pelaburan. Selain itu, TISB turut memberi pendahuluan kepada syarikat subsidiari dan syarikat kumpulan yang memerlukan bantuan kewangan dalam menjalankan operasi syarikat. TISB memperoleh pulangan daripada pelaburan yang dibuat dalam bentuk dividen. Pulangan kepada pemegang saham pula diberi dalam bentuk bayaran dividen dan pelaksanaan aktiviti khidmat sosial (CSR) kepada Kerajaan negeri dan komuniti. Model perniagaan TISB adalah seperti dalam **Carta 4**.



Sumber: TISB

Nota : CSR – *Corporate Social Responsibility*

5.1.1. Pencapaian Output

- Berdasarkan Pelan Perniagaan Strategik (PPS) tahun 2019, 2020 dan 2021, TISB telah menetapkan sasaran pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan sebelum cukai. Sasaran ini disedia berdasarkan pencapaian pada tahun sebelum serta jangkaan pendapatan dan perbelanjaan yang akan berlaku. Bagaimanapun, PPS tahun 2020 telah dikemas kini berikutan pandemik Covid-19 yang mempengaruhi sasaran asal.
- Semakan Audit mendapati TISB telah mencapai sasaran bagi pendapatan untung pelaburan pada setiap tahun bagi tahun 2019 hingga 2021 antara 122.9% hingga 817.9%. Bagaimanapun, sasaran terhadap pendapatan utama hanya dicapai bagi tahun 2021 (117.9%), manakala sasaran bagi lain-lain

pendapatan hanya dicapai pada tahun 2020 iaitu 2,919.1%. TISB juga tidak mencapai sasaran bagi keuntungan sebelum cukai bagi tahun 2019 (-196.7%) dan 2021 (6.4%).

- c. **Perbelanjaan operasi pula melebihi sasaran yang ditetapkan pada setiap tahun antara 134.7% hingga 322.5%, manakala perbelanjaan kewangan melebihi sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2019 (20,650%) dan 2020 (14,400%).** Prestasi pencapaian kewangan bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PRESTASI PENCAPAIAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

BUTIRAN	TAHUN								
	2019			2020			2021		
	BAJET (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	%	BAJET (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	%	BAJET (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	%
Pendapatan Utama	19.67	18.25	92.8	15.55	13.98	89.9	17.08	20.13	117.9
Lain-lain pendapatan	41.90	4.61	11.0	1.15	33.57	2,919.1	137.74	15.53	11.3
Untung Pelaburan	0.83	1.02	122.9	0.39	3.19	817.9	0.53	1.66	313.2
Perbelanjaan Operasi	19.10	61.60	322.5	16.04	35.97	224.3	18.35	24.71	134.7
Perbelanjaan Kewangan	0.02	4.13	20,650.0	0.03	4.32	14,400.0	4.39	4.11	93.6
Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai	43.28	(41.85)	(196.7)	1.02	10.46	1,025.5	132.61	8.50	6.4

Sumber: Penyata kewangan beraudit TISB dan pelan perniagaan strategik

Maklum Balas TISB pada 19 Oktober 2022

Pendapatan utama tidak mencapai sasaran pada tahun 2019 kerana kemerosotan harga sawit mengurangkan kebolehan syarikat subsidiari untuk membayar dividen. Pada tahun 2020 pula, kesan pandemik Covid-19 menyebabkan syarikat subsidiari tidak mampu mengekalkan pembayaran dividen kerana prestasi syarikat yang menurun. Walaupun PPS tahun 2020 telah dikemas kini, pengemaskinian hanya dilakukan pada pertengahan tahun 2020 kerana impak pandemik Covid-19 belum dapat dinilai sepenuhnya.

Lain-lain pendapatan dan keuntungan sebelum cukai tidak mencapai sasaran pada tahun 2019 dan 2021 disebabkan cadangan pelupusan syarikat subsidiari yang menyasarkan keuntungan atas pelupusan tidak dapat dilaksanakan. Selain itu, keuntungan sebelum cukai pada tahun 2019 juga tidak dapat dicapai disebabkan *provision of impairment* bagi pendahuluan syarikat subsidiari sebanyak RM49.32 juta.

Perbelanjaan operasi dan kewangan melebihi sasaran pada setiap tahun disebabkan oleh pelarasan audit mengikut Malaysian Financial Reporting Standard (MFRS) 9. Berdasarkan MFRS 9, perbelanjaan operasi mengambil kira *provision of impairment* bagi pendahuluan dan pelaburan syarikat subsidiari yang dibuat pada setiap tahun. Bagi perbelanjaan kewangan pula, pelarasan mengambil kira *accretion interest* bagi pinjaman dengan Kerajaan negeri.

PPS yang disediakan oleh syarikat adalah berdasarkan sasaran realistik yang boleh dicapai. TISB sentiasa membuat penambahbaikan melalui sesi soal balas (*challenge session*) bagi memastikan syarikat subsidiari dapat memaksimumkan prestasi mereka agar unjuran pendapatan utama syarikat selari dengan pencapaian syarikat subsidiari.

Pendapat Audit	Secara keseluruhannya, prestasi pencapaian kewangan tidak sepenuhnya mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2019 hingga 2021.
-----------------------	---

5.1.1.1. Prestasi Kewangan TISB

TISB memperoleh keuntungan sebelum cukai sejumlah RM10.46 juta pada tahun 2020 dan RM8.50 juta pada tahun 2021 berbanding kerugian sejumlah RM41.85 juta pada tahun 2019. Kedudukan kewangan TISB bagi tahun kewangan 2019 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
KEDUDUKAN KEWANGAN TISB BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 HINGGA 2021

BUTIRAN	TAHUN		
	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
Pendapatan Utama	18.25	13.98	20.13
Lain-lain Pendapatan	4.61	33.57	15.53
Untung Pelaburan	1.02	3.19	1.66
Jumlah Pendapatan	23.88	50.74	37.32
Perbelanjaan	65.73	40.28	28.82
Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai	(41.85)	10.46	8.50
Zakat	-	1.00	0.19
Cukai	0.38	0.92	4.75
Keuntungan/(Kerugian) Selepas Cukai	(42.23)	8.54	3.56
KERUGIAN TERKUMPUL	(20.61)	(12.07)	(8.51)
JUMLAH ASET	811.50	874.14	865.32
JUMLAH LIABILITI	132.54	171.40	169.60
JUMLAH EKUITI	678.96	702.74	695.72
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI	811.50	874.14	865.32

Sumber: Penyata kewangan beraudit TISB

a. Pendapatan TISB

- i. Pendapatan utama TISB adalah dividen yang diterima daripada syarikat subsidiari, syarikat bersekutu, lain-lain pelaburan serta pelaburan tersiar harga. Bagi tahun 2019 hingga 2021, pendapatan dividen yang diterima berjumlah RM18.25 juta (2019), RM13.98 juta (2020) dan RM20.13 juta (2021). Selain itu, pendapatan TISB juga terdiri daripada lain-lain pendapatan serta untung pelaburan seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PENDAPATAN TISB BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

JENIS PENDAPATAN	TAHUN		
	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
Pendapatan Utama			
Syarikat Subsidiari	14.25	5.34	15.46
Syarikat Bersekutu	1.62	8.32	3.40
Lain-lain Pelaburan	2.36	0.32	1.27
Pelaburan Tersiar Harga	0.02	0*	-
Jumlah	18.25	13.98	20.13
Lain-lain Pendapatan	4.61	33.57	15.53
Untung Pelaburan	1.02	3.19	1.66
JUMLAH KESELURUHAN	23.88	50.74	37.32

Sumber: Penyata kewangan beraudit TISB

Nota: (*) - Nilai sebenar ialah RM365

- ii. Semakan Audit mendapati **pendapatan TISB menunjukkan trend naik turun bagi tahun 2019 hingga 2021**. Peningkatan dan penurunan ini dipengaruhi oleh lain-lain pendapatan dan untung pelaburan bagi tempoh tersebut. Pada tahun 2020, TISB mencatatkan peningkatan ketara bagi lain-lain pendapatan iaitu sebanyak RM28.96 juta (628.2%) berbanding tahun sebelumnya. Pada tahun 2021 pula, lain-lain pendapatan menurun sebanyak RM18.04 juta (53.7%) berbanding tahun 2020 tetapi masih tinggi jika dibandingkan dengan tahun 2019.
- iii. Analisis Audit mendapati item bagi lain-lain pendapatan ialah daripada yuran pengurusan, yuran audit dan kesetiausahaan, pembahagian keuntungan serta lain-lain pendapatan. Bagaimanapun, item lain-lain pendapatan ini sebahagian besarnya merupakan item bukan tunai seperti *grant income/amount released from deferred liability; reversal of impairment of amount due from subsidiaries/associates/related companies (reversal of impairment of amount due);* dan *reversal of impairment loss of investment in subsidiaries/associates/other/short term investment (reversal of impairment loss of investment)*. Item bukan tunai ini masing-masing berjumlah RM4.11 juta (89.2%), RM31.81 juta (94.8%) dan RM12.99 juta (83.6%) daripada jumlah lain-lain pendapatan pada tahun 2019, 2020 dan 2021 seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
ITEM BUKAN TUNAI DI BAWAH LAIN-LAIN PENDAPATAN
BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

ITEM BUKAN TUNAI	TAHUN		
	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
<i>Grant income/ Amount released from deferred liability</i>	4.11	4.28	4.08
<i>Reversal of impairment of amount due from subsidiaries/ associates/related companies</i>	-	22.11	8.21
<i>Reversal of impairment loss of investments in subsidiaries/ associates/other/short term investment</i>	-	5.42	0.70
JUMLAH ITEM BUKAN TUNAI	4.11	31.81	12.99
JUMLAH LAIN-LAIN PENDAPATAN	4.61	33.57	15.53
PERATUS (%)	89.2	94.8	83.6

Sumber: Penyata kewangan beraudit TISB

- iv. Semakan Audit mendapati item *grant income/amount released from deferred liability* merupakan faedah pinjaman yang dihapus kira bagi pinjaman TISB dengan Kerajaan negeri pada tahun 2019 berdasarkan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) kali ke-1 Tahun 2019 bertarikh 2 Januari 2019.
- v. Item *reversal of impairment of amount due* pula disebabkan pembayaran oleh syarikat subsidiari dan syarikat yang berkaitan bagi pendahuluan yang telah dibuat peruntukan hutang ragu (*provision of doubtful debts*) oleh TISB. Bagaimanapun, sebahagian besar item *reversal of impairment of amount due* ini merupakan penukaran tunggakan pendahuluan kepada saham keutamaan boleh tebus (RPS) bagi tiga syarikat subsidiari iaitu YTYI pada tahun 2020 serta HNSB dan TIP pada tahun 2021. Penukaran ini adalah berdasarkan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1/2019 bertarikh 26 Februari 2019 disebabkan syarikat subsidiari tidak mampu untuk membuat bayaran balik pendahuluan.
- vi. Selain itu, terdapat *reversal of impairment loss of investment* dalam syarikat subsidiari YTYI dan TIP pada tahun 2020 dan GPB pada tahun 2021. Keadaan ini disebabkan peningkatan dalam nilai aset ketara bersih berbanding tahun sebelumnya.
- vii. Pada tahun 2019, TISB mempunyai 12 pelaburan dalam saham tersiar harga dengan kos sejumlah RM2.80 juta. Pada tahun 2020, TISB telah menjual 11 daripada 12 pelaburan saham tersebut. Sebanyak dua daripada 11 saham ini mencatatkan keuntungan jualan sejumlah RM0.56 juta manakala sembilan saham mencatatkan kerugian sejumlah RM1.52 juta. Pada tahun 2021 pula, TISB membuat pembelian saham dalam Syarikat No. 1361927-V sebanyak 4,529,300 unit saham pada harga RM0.70 per unit berjumlah RM3.17 juta. Pada 12 September 2022, harga pasaran saham ini ialah RM0.28 per unit.

viii. Nisbah Hasil Dividen

- Nisbah ini menunjukkan pulangan semasa pelaburan bagi setiap ringgit yang dilaburkan. Semakan Audit mendapati bilangan unit saham biasa dan hasil dividen adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
BILANGAN UNIT SAHAM BIASA DAN HASIL DIVIDEN
BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

TAHUN	SAHAM BIASA (Bil. Unit)	HASIL DIVIDEN (RM Juta)
2019	1,408,727,050	18.25
2020	1,402,528,150	13.98
2021	1,401,647,750	20.13

Sumber: Penyata kewangan beraudit TISB dan Kumpulan Kewangan Korporat dan Pelaburan

- Analisis Audit mendapati hasil dividen meningkat pada tahun 2021 walaupun bilangan unit saham biasa menurun. Bagaimanapun, nisbah hasil dividen bagi tahun 2019 hingga 2021 menunjukkan kadar nisbah 0.01:1 pada setiap tahun. Perkara ini menunjukkan hasil dividen adalah rendah berbanding setiap ringgit yang dilaburkan.


Pendapat
Audit

Secara amnya, peningkatan pendapatan utama pada tahun 2021 memberikan petunjuk prestasi yang baik oleh syarikat dalam menjana pendapatan.

b. Keuntungan/Kerugian Sebelum Cukai

- i. Pada tahun 2021, TISB memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM8.50 juta iaitu menurun sejumlah RM1.96 juta (18.7%) berbanding keuntungan berjumlah RM10.46 juta pada tahun 2020. Keuntungan/kerugian sebelum cukai bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti dalam **Carta 5**.

CARTA 5
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021



Sumber: Penyata kewangan beraudit TISB

- ii. Analisis Audit mendapati keuntungan/kerugian sebelum cukai bagi tahun 2019 hingga 2021 dipengaruhi oleh item bukan tunai yang tinggi di bawah perbelanjaan operasi. Item bukan tunai berjumlah antara RM8.03 juta (32.5%) hingga RM49.04 juta (79.6%) daripada jumlah perbelanjaan operasi bagi tahun 2019 hingga 2021. Maklumat perbelanjaan TISB adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
PERBELANJAAN TISB BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

JENIS PERBELANJAAN	TAHUN		
	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
Perbelanjaan Operasi			
Kakitangan	6.45	8.43	9.47
Pentadbiran	5.26	4.04	7.17
Lain-lain Perbelanjaan			
<u>Item Bukan Tunai</u>			
<i>Provision for doubtful debts</i>	49.32	-	-
<i>Reversal of provision for doubtful debts</i>	(0.08)	-	-
<i>Reversal impairment on cost of investment</i>	(1.04)	-	-
<i>Impairment of amount due from subsidiaries/associates/other investment</i>	-	3.94	2.84
<i>Impairment loss of investment in subsidiaries/associates/other investment</i>	0.39	18.00	4.28
<i>Impairment loss on property, plant and equipment/right-of-use assets</i>	-	0.79	-
<i>Depreciation</i>	0.45	0.53	0.91
Jumlah Item Bukan Tunai	49.04	23.26	8.03
Item Tunai	0.85	0.23	0.04
Jumlah Lain-lain Perbelanjaan	49.89	23.49	8.07
JUMLAH PERBELANJAAN OPERASI	61.60	35.96	24.71
Perbelanjaan Kewangan	4.13	4.32	4.11
JUMLAH KESELURUHAN PERBELANJAAN	65.73	40.28	28.82

Sumber: Penyata kewangan beraudit TISB

- iii. Pada tahun 2019, perbelanjaan operasi yang tinggi dan melebihi pendapatan menyumbang kepada kerugian pada tahun tersebut. Bagi tahun 2020 dan 2021 pula, walaupun perbelanjaan operasi adalah tinggi tetapi tidak melebihi pendapatan telah memberi keuntungan kepada TISB.

Pendapat Audit | Secara keseluruhannya, prestasi kewangan TISB adalah stabil dengan mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM8.50 juta pada tahun 2021 walaupun dipengaruhi oleh perbelanjaan operasi yang tinggi.

c. Aset dan Liabiliti

- i. Analisis Audit mendapati jumlah aset TISB bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah melebihi jumlah liabiliti dan menunjukkan trend naik turun. Pada tahun 2020, jumlah aset meningkat sejumlah RM62.64 juta (7.7%) dan menurun sejumlah RM8.82 juta (1%) pada tahun 2021. Jumlah liabiliti pula meningkat sejumlah RM38.86 juta (29.3%) pada tahun 2020 dan menurun sejumlah RM1.80 juta (1.1%) pada tahun 2021. Peningkatan dan penurunan liabiliti adalah selari dengan peningkatan dan penurunan aset bagi tempoh tersebut. Kedudukan aset dan liabiliti bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti dalam **Carta 6**.

CARTA 6
KEDUDUKAN ASET DAN LIABILITI BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021



Sumber: Penyata kewangan beraudit TISB

- ii. Semakan Audit mendapati aset TISB terdiri daripada aset bukan semasa dan aset semasa bagi tahun 2019 hingga 2021 seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
ASET BUKAN SEMASA DAN ASET SEMASA TISB
BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

TAHUN	ASET BUKAN SEMASA (RM Juta)	ASET SEMASA (RM Juta)	JUMLAH ASET (RM Juta)
2019	765.00	46.50	811.50
2020	841.59	32.55	874.14
2021	840.53	24.79	865.32

Sumber: Penyata kewangan beraudit TISB

- iii. Analisis Audit mendapati TISB mempunyai aset bukan semasa yang tinggi berbanding aset semasa. Aset bukan semasa meningkat pada tahun 2020 sejumlah RM76.59 juta (10%) dan sedikit menurun sejumlah RM1.06 juta (0.1%) pada tahun 2021. Peningkatan aset bukan semasa pada tahun 2020 antaranya disebabkan pemilikan tanah di Kuala Terengganu City Centre (KTCC) berjumlah RM43.50 juta, peningkatan nilai pelaburan dalam syarikat subsidiari (GPB, YTYI dan TIP) dan lain-lain pelaburan dalam Syarikat No. 26975-W sejumlah RM24.41 juta. Pada tahun 2021, aset bukan semasa berjumlah RM840.53 juta dan aset semasa berjumlah RM24.79 juta. Komponen terbesar di bawah aset bukan semasa pada tahun 2021 ialah pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan hartanah yang berjumlah RM805.72 juta (95.9%). Komponen terbesar liabiliti pula ialah pinjaman dengan Kerajaan negeri sejumlah RM126.86 juta (2019), RM120.17 juta (2020) dan RM113.51 juta (2021).

iv. Nisbah Semasa

- Nisbah semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi mengukur kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar dengan segera ke dalam bentuk tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Norma nisbah semasa yang baik adalah sekurang-kurangnya pada kadar 2:1.
- Semakan Audit mendapati aset semasa dan liabiliti semasa TISB bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
ASET SEMASA DAN LIABILITI SEMASA TISB
BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	NISBAH SEMASA
2019	46.50	11.77	3.95 : 1
2020	32.55	19.88	1.64 : 1
2021	24.79	27.37	0.91 : 1

Sumber: Penyata kewangan beraudit TISB

- Analisis Audit mendapati nisbah semasa adalah 3.95:1 pada tahun 2019, 1.64:1 pada tahun 2020 dan 0.91:1 pada tahun 2021. Nisbah semasa TISB menunjukkan trend menurun pada setiap tahun. Pada tahun 2021, nisbah semasa menurun disebabkan liabiliti semasa meningkat dan aset semasa menurun. Penurunan aset semasa disebabkan *provision of impairment* bagi pendahuluan syarikat subsidiari dan juga penukaran pendahuluan syarikat subsidiari kepada RPS. Peningkatan liabiliti pula disebabkan peningkatan bayaran cukai dan tanggungan bagi pemilikan tanah di KTCC. **Keadaan ini menunjukkan kemampuan TISB untuk menampung liabiliti semasa adalah merosot.**

Maklum Balas TISB pada 19 Oktober 2022

Pihak syarikat mengambil maklum berhubung penurunan nisbah semasa dan berpendapat keadaan ini bersifat sementara kerana beberapa inisiatif telah dijalankan bagi memastikan jumlah aset syarikat akan terus meningkat terutamanya baki tunai dalam bank.

Pendapat Audit	Kedudukan aset yang melebihi liabiliti pada setiap tahun menunjukkan kestabilan TISB dalam memenuhi obligasinya. Bagaimanapun, nisbah semasa yang menurun setiap tahun dan kurang daripada satu pada tahun 2021 menunjukkan kemerosotan kemampuan TISB untuk menampung liabiliti semasa.
-----------------------	--

d. Analisis Aliran Tunai

- Analisis aliran tunai dijalankan terhadap kedudukan aliran tunai bagi menilai keupayaan syarikat untuk menjana aliran tunai daripada operasi, pelaburan dan pembiayaan untuk menampung keperluan perbelanjaan syarikat. Kedudukan aliran tunai bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
KEDUDUKAN ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

BUTIRAN	TAHUN		
	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	(14.45)	(15.14)	32.95
Aliran tunai bersih daripada aktiviti pelaburan	1.57	20.80	(33.80)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan	11.14	(6.73)	(11.90)
(Kurangan) bersih tunai dan kesetaraan tunai	(1.74)	(1.07)	(12.75)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	26.57	24.83	23.76
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	24.83	23.76	11.01

Sumber: Penyata kewangan beraudit TISB

- ii. Analisis Audit terhadap penyata aliran tunai bagi tahun 2019 hingga 2021 mendapati baki tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun 2021 adalah berbaki positif berjumlah RM11.01 juta. Bagaimanapun, **aliran tunai TISB menunjukkan trend penurunan pada setiap tahun sejumlah RM1.07 juta (4.3%) pada tahun 2020 dan sejumlah RM12.75 juta (53.7%) pada tahun 2021.** Penurunan aliran tunai yang tinggi pada tahun 2021 disebabkan oleh aktiviti pelaburan dan pembiayaan. Antara aktiviti tersebut ialah bayaran pinjaman kepada Kerajaan negeri sejumlah RM6.67 juta, penebusan RNCPS kepada empat pemegang saham sejumlah RM5 juta dan pelaburan tersiar harga dalam Syarikat No. 1361927-V sejumlah RM3.17 juta.

Maklum Balas TISB pada 19 Oktober 2022

TISB tidak mempunyai pendapatan tambahan selain daripada dividen yang diterima daripada syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu. Bagaimanapun, pihak syarikat telah mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan peningkatan aliran tunai syarikat seperti:

- peningkatan perolehan daripada hasil dividen;
- pengurangan kebergantungan syarikat subsidiari dari segi pendahuluan untuk belanja operasi;
- penebusan saham keutamaan oleh syarikat subsidiari; dan
- pelupusan aset yang kurang strategik.

Pendapat Audit | Aliran tunai TISB adalah kurang memuaskan kerana menunjukkan penurunan pada setiap tahun.

e. Dana Pemegang Saham

- i. Dana pemegang saham merupakan modal yang dilaburkan oleh pemegang saham serta keuntungan/kerugian terkumpul syarikat. Prestasi syarikat dianggap baik sekiranya berjaya meningkatkan dana pemegang saham secara berterusan.
- ii. Semakan Audit mendapati dana pemegang saham TISB berjumlah RM678.96 juta (2019), RM702.74 juta (2020) dan RM695.72 juta (2021). Analisis Audit mendapati komponen utama dana pemegang saham TISB bagi tahun kewangan 2021 terdiri daripada modal saham sejumlah RM640.57 juta, kerugian terkumpul sejumlah RM8.51 juta dan lebihan lain sejumlah RM63.66 juta. Dana pemegang saham TISB mencatatkan peningkatan sejumlah RM23.78 juta (3.5%) pada tahun 2020 dan

penurunan sejumlah RM7.02 juta (1%) pada tahun 2021. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
DANA PEMEGANG SAHAM BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

KOMPONEN	TAHUN			PENINGKATAN/(PENURUNAN)			
	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2020		2021	
				RM Juta	%	RM Juta	%
Modal saham	645.57	645.57	640.57	-	-	(5.00)	(0.8)
Kerugian terkumpul	(20.61)	(12.07)	(8.51)	8.54	41.4	3.56	29.5
Lebihan lain	54.00	69.24	63.66	15.24	28.2	(5.58)	(8.1)
JUMLAH	678.96	702.74	695.72	23.78	3.5	(7.02)	(1.0)

Sumber: Penyata kewangan beraudit TISB

iii. Nisbah Pulangan atas Ekuiti

- Nisbah pulangan atas ekuiti digunakan untuk mengukur kebolehan syarikat menjana keuntungan selepas cukai hasil daripada jumlah ekuiti yang dilaburkan oleh pemegang saham. Pada umumnya, pulangan yang lebih tinggi adalah lebih baik kerana menunjukkan syarikat semakin cekap meningkatkan keuntungan kepada pemegang saham dalam menguruskan modalnya.
- Semakan Audit mendapati keuntungan/kerugian bersih dan jumlah ekuiti TISB bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) BERSIH DAN JUMLAH EKUITI TISB
BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

TAHUN	KEUNTUNGAN/ (KERUGIAN) BERSIH (RM Juta)	JUMLAH EKUITI (RM Juta)	NISBAH PULANGAN ATAS EKUITI
2019	(42.23)	678.96	(0.06) : 1
2020	8.54	702.74	0.01 : 1
2021	3.56	695.72	0.01 : 1

Sumber: Penyata kewangan beraudit TISB

- Analisis Audit mendapati pulangan atas ekuiti ialah (0.06):1 pada tahun 2019, 0.01:1 pada tahun 2020 dan 0.01:1 pada tahun 2021. Pulangan atas ekuiti TISB meningkat pada tahun 2020 dan tidak berubah pada tahun 2021. Walaupun pulangan atas ekuiti meningkat pada tahun 2020, pulangan ini masih rendah berbanding ekuiti yang dilaburkan oleh pemegang saham.

Maklum Balas TISB pada 19 Oktober 2022


Nisbah pulangan atas ekuiti bergantung sepenuhnya kepada keuntungan/kerugian yang dicatatkan oleh TISB pada setiap tahun. Faktor utama kerugian pada tahun 2019 adalah disebabkan perbelanjaan *provision of impairment* yang tinggi iaitu sejumlah RM49.32 juta. Keuntungan pada tahun 2020 pula disebabkan jumlah pendapatan mengambil kira lain-lain pendapatan operasi seperti *reversal of impairment of amount due from subsidiaries* sejumlah RM22.11 juta. Keuntungan pada tahun 2021 menurun disebabkan jumlah cukai yang tinggi sejumlah RM4.75 juta.

Pendapat Audit | Kadar pulangan atas ekuiti adalah kurang memuaskan kerana nisbah pulangan di bawah kadar satu menunjukkan modal yang dilaburkan tidak dapat menjana pulangan kepada pemegang saham.

5.1.1.2. Kedudukan Kewangan Syarikat Subsidiari

Pihak Audit telah menilai kedudukan kewangan bagi 12 syarikat subsidiari yang aktif. Kedudukan kewangan dinilai melalui pendapatan, perbelanjaan, keuntungan atau kerugian, dana pemegang saham serta aset dan liabiliti syarikat subsidiari. Selain itu, analisis nisbah kewangan turut dijalankan bagi mengukur prestasi kewangan. Ringkasan kedudukan kewangan syarikat subsidiari bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti dalam **Carta 7** dan maklumat terperinci bagi setiap aspek kewangan adalah seperti dalam perenggan berikutnya.

CARTA 7
KEDUDUKAN KEWANGAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021



Sumber: Penyata kewangan beraudit syarikat subsidiari tahun 2019, 2020 dan 2021

a. Pendapatan Syarikat Subsidiari

- i. Pendapatan utama syarikat subsidiari terdiri daripada pendapatan yang diperoleh daripada aktiviti operasi mengikut sektor yang diceburi sama ada *primary*, *secondary* atau *tertiary*. Pendapatan lain pula terdiri daripada hasil yang diterima selain operasi seperti sewaan, hasil dividen dan keuntungan jualan aset. Secara keseluruhannya, pendapatan syarikat subsidiari berjumlah RM1.845 bilion bagi tahun 2019 hingga 2021 seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
PENDAPATAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI	PENDAPATAN			PENINGKATAN/(PENURUNAN)			
		2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2020		2021	
					RM Juta	%	RM Juta	%
1.	LRT	126.75	151.04	184.08	24.29	19.2	33.04	21.9
2.	TDM	85.52	309.55	150.47	224.03	262.0	(159.08)	(51.4)
3.	SATU	149.10	148.39	146.54	(0.71)	(0.5)	(1.85)	(1.2)
4.	GPQ	82.82	83.13	119.82	0.31	0.4	36.69	44.1
5.	YTYI	8.37	5.91	9.91	(2.46)	(29.4)	4.00	67.7
6.	TIP	3.18	9.99	7.59	6.81	214.2	(2.4)	(24.0)
7.	GPB	14.13	14.36	6.44	0.23	1.6	(7.92)	(55.2)
8.	SPYIT	6.26	4.81	5.73	(1.45)	(23.2)	0.92	19.1
9.	HNSB	1.15	2.11	3.10	0.96	83.5	0.99	46.9
10.	HTSB	1.46	0.83	1.33	(0.63)	(43.2)	0.50	60.2
11.	TIHRM	0*	0.58	0.79	0.58	100.0	0.21	36.2
12.	TIGFH	-	0**	-	-	-	-	-
JUMLAH		478.74	730.70	635.80	251.96	52.6	(94.90)	(13.0)
JUMLAH KESELURUHAN (RM Juta)		1,845.24						


Sumber: Penyata kewangan beraudit syarikat subsidiari tahun 2019, 2020 dan 2021

Nota: (*) - Nilai sebenar ialah RM375

(**) - Nilai sebenar ialah RM101

- ii. Secara keseluruhannya, pendapatan syarikat subsidiari menunjukkan peningkatan sejumlah RM251.96 juta (52.6%) pada tahun 2020 dan penurunan sejumlah RM94.90 juta (13%) pada tahun 2021. Empat syarikat subsidiari mencatatkan pendapatan tertinggi melebihi RM100 juta pada tahun 2021 iaitu LRT, TDM, SATU dan GPQ. Selain itu, empat syarikat subsidiari menunjukkan trend peningkatan pendapatan setiap tahun iaitu LRT, GPQ, HNSB dan TIHRM. Bagi syarikat SATU, walaupun mencatatkan pendapatan melebihi RM100 juta tetapi pendapatan tersebut menunjukkan trend menurun pada setiap tahun. Peningkatan pendapatan syarikat subsidiari disumbangkan oleh pendapatan operasi yang tinggi. Trend pendapatan operasi dan lain-lain pendapatan syarikat subsidiari bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti dalam **Carta 8**.

CARTA 8
TREND PENDAPATAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021



Sumber: Penyata kewangan beraudit syarikat subsidiari tahun 2019, 2020 dan 2021

- iii. Secara keseluruhannya, kesemua syarikat subsidiari memperoleh pendapatan operasi yang melebihi lain-lain pendapatan bagi tahun 2019 hingga 2021. Pendapatan operasi menunjukkan trend naik turun manakala lain-lain pendapatan menurun setiap tahun.

b. Perbelanjaan Syarikat Subsidiari

- i. Semakan Audit mendapati perbelanjaan syarikat subsidiari secara keseluruhannya adalah berjumlah RM1.674 bilion bagi tahun 2019 hingga 2021 seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
PERBELANJAAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI	PERBELANJAAN			PENINGKATAN/(PENURUNAN)			
		2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2020		2021	
					RM Juta	%	RM Juta	%
1.	SATU	135.60	141.89	157.52	6.29	4.6	15.63	11.0
2.	TDM	214.88	74.61	149.92	(140.27)	(65.3)	75.31	100.9
3.	LRT	123.50	126.03	142.82	2.53	2.0	16.79	13.3
4.	GPQ	86.93	84.61	119.29	(2.32)	(2.7)	34.68	41.0
5.	YTYI	10.30	11.63	8.98	1.33	12.9	(2.65)	(22.8)
6.	SPYIT	6.99	9.05	7.70	2.06	29.5	(1.35)	(14.9)
7.	TIP	4.51	6.77	7.28	2.26	50.1	0.51	7.5
8.	GPB	8.99	3.73	5.06	(5.26)	(58.5)	1.33	35.7
9.	HNSB	3.17	3.17	2.97	-	-	(0.20)	(6.3)
10.	TIHRM	8.45	1.37	1.66	(7.08)	(83.8)	0.29	21.2

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI	PERBELANJAAN			PENINGKATAN/(PENURUNAN)			
		2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2020		2021	
					RM Juta	%	RM Juta	%
11.	HTSB	1.43	1.42	1.37	(0.01)	(0.7)	(0.05)	(3.5)
12.	TIGFH	0.01	0.49	0.05	0.48	4,800.0	(0.44)	(89.8)
	JUMLAH	604.76	464.77	604.62	(139.99)	(23.1)	139.85	30.1
	JUMLAH KESELURUHAN (RM Juta)	1,674.15						

Sumber: Penyata kewangan beraudit syarikat subsidiari tahun 2019, 2020 dan 2021

- ii. Perbelanjaan syarikat subsidiari bagi tahun 2019 hingga 2021 menunjukkan trend turun naik. Perbelanjaan syarikat subsidiari menurun sejumlah RM139.99 juta (23.1%) pada tahun 2020 dan meningkat sejumlah RM139.85 juta (30.1%) pada tahun 2021. Komposisi perbelanjaan syarikat subsidiari adalah seperti dalam **Carta 9**.

CARTA 9
KOMPOSISI PERBELANJAAN SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021



Sumber: Penyata kewangan beraudit syarikat subsidiari tahun 2019, 2020 dan 2021

- iii. Secara keseluruhannya, perbelanjaan operasi syarikat subsidiari melebihi lain-lain perbelanjaan pada setiap tahun iaitu sejumlah RM18.30 juta (2019), RM164.83 juta (2020) dan RM128 juta (2021) kecuali syarikat TDM. Analisis Audit mendapati syarikat TDM mencatatkan lain-lain perbelanjaan yang melebihi perbelanjaan operasi pada setiap tahun. Lain-lain perbelanjaan sejumlah RM197.32 juta (2019), RM56.83 juta (2020) dan RM132.08 juta (2021) adalah melebihi perbelanjaan operasi sejumlah RM17.56 juta (2019), RM17.78 juta (2020) dan RM17.84 juta (2021).

c. Keuntungan/Kerugian Sebelum Cukai Syarikat Subsidiari

- i. Pada tahun 2021, tujuh daripada 12 syarikat subsidiari memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM45.09 juta manakala lima syarikat

subsidiari mengalami kerugian berjumlah RM13.91 juta. Keuntungan/kerugian sebelum cukai untuk setiap syarikat subsidiari bagi tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI	KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI			PENINGKATAN/(PENURUNAN)			
		2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2020 RM Juta	%	2021 RM Juta	%
SYARIKAT YANG MEMPEROLEH KEUNTUNGAN								
1.	LRT	3.25	25.01	41.26	21.76	669.5	16.25	65.0
2.	GPB	5.14	10.63	1.38	5.49	106.8	(9.25)	(87.0)
3.	YTYI	(1.93)	(5.72)	0.93	(3.79)	(196.4)	6.65	116.3
4.	TDM	(129.36)	234.94	0.55	364.30	281.6	(234.39)	(99.8)
5.	GPQ	(4.11)	(1.48)	0.53	2.63	64.0	2.01	135.8
6.	TIP	(1.33)	3.22	0.31	4.55	342.1	(2.91)	(90.4)
7.	HNSB	(2.02)	(1.06)	0.13	0.96	47.5	1.19	112.3
JUMLAH		(130.36)	265.54	45.09				
SYARIKAT YANG MENGALAMI KERUGIAN								
8.	HTSB	0.03	(0.59)	(0.04)	(0.62)	(2,066.7)	0.55	93.2
9.	TIGFH	(0.01)	(0.49)	(0.05)	(0.48)	(4,800.0)	0.44	89.8
10.	TIHRM	(8.45)	(0.79)	(0.87)	7.66	90.7	(0.08)	(10.1)
11.	SPYIT	(0.73)	(4.24)	(1.97)	(3.51)	(480.8)	2.27	53.5
12.	SATU	13.50	6.50	(10.98)	(7.00)	(51.9)	(17.48)	(268.9)
JUMLAH		4.34	0.39	(13.91)				
KEUNTUNGAN/ (KERUGIAN) KESELURUHAN		(126.02)	265.93	31.18				

Sumber: Penyata kewangan beraudit syarikat subsidiari tahun 2019, 2020 dan 2021

- ii. Sebanyak dua syarikat subsidiari mencatatkan keuntungan pada setiap tahun iaitu LRT dan GPB. Selain itu, tiga syarikat subsidiari iaitu TIGFH, TIHRM dan SPYIT mengalami kerugian pada setiap tahun.
- iii. Pada tahun 2021, syarikat SATU mengalami kerugian tertinggi iaitu sejumlah RM10.98 juta disebabkan peningkatan kos jualan dan perbelanjaan pentadbiran. Kos jualan meningkat sejumlah RM2.71 juta daripada RM98.21 juta pada tahun 2020 kepada RM100.92 juta pada tahun 2021. Perbelanjaan pentadbiran pula meningkat sejumlah RM16.45 juta daripada RM28.64 juta pada tahun 2020 kepada RM45.09 juta pada tahun 2021.
- iv. Selain itu, semakan Audit mendapati tiga syarikat subsidiari mencatatkan defisit dana pemegang saham iaitu HNSB (RM0.35 juta), TIGFH (RM1.18 juta) dan TIHRM (RM9.15 juta). Analisis Audit mendapati ketiga-

tiga syarikat ini mengalami defisit dana pemegang saham pada setiap tahun. Defisit ini berlaku disebabkan kerugian yang dialami syarikat subsidiari secara berterusan. Bagi syarikat HNSB pula, walaupun keuntungan diperoleh pada tahun 2021 namun kerugian terkumpul yang tinggi menyebabkan dana pemegang saham mencatatkan defisit pada tahun tersebut. Kedudukan dana pemegang saham syarikat subsidiari bagi tempoh 2019 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
DANA PEMEGANG SAHAM SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI	DANA PEMEGANG SAHAM			PENINGKATAN/(PENURUNAN)			
		2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2020		2021	
					RM Juta	%	RM Juta	%
1.	TDM	144.86	387.92	375.07	243.06	167.8	(12.85)	(3.3)
2.	LRT	120.08	130.81	143.99	10.73	8.9	13.18	10.1
3.	GPB	55.62	78.34	80.90	22.72	40.8	2.56	3.3
4.	YTYI	33.61	43.56	41.75	9.95	29.6	(1.81)	(4.2)
5.	GPQ	24.31	23.08	23.75	(1.23)	(5.1)	0.67	2.9
6.	TIP	(2.53)	(2.89)	9.64	(0.36)	(14.2)	12.53	433.6
7.	SPYIT	12.40	7.72	5.75	(4.68)	(37.7)	(1.97)	(25.5)
8.	SATU	89.98	35.26	2.30	(54.72)	(60.8)	(32.96)	(93.5)
9.	HTSB	0.95	0.37	0.33	(0.58)	(61.1)	(0.04)	(10.8)
10.	HNSB	(13.18)	(14.24)	(0.35)	(1.06)	(8.0)	13.89	97.5
11.	TIGFH	(7.32)	(7.37)	(1.18)	(0.05)	(0.7)	6.19	84.0
12.	TIHRM	(7.37)	(8.23)	(9.15)	(0.86)	(11.7)	(0.92)	(11.2)
JUMLAH		451.41	674.33	672.80	222.92	49.4	(1.53)	(0.2)

Sumber: Penyata kewangan beraudit syarikat subsidiari tahun 2019, 2020 dan 2021

d. Aset dan Liabiliti Syarikat Subsidiari

- i. Secara keseluruhannya, jumlah aset syarikat subsidiari melebihi jumlah liabiliti bagi tahun 2019 hingga 2021 kecuali bagi syarikat TIHRM, HNSB dan TIGFH seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
PEGANGAN ASET DAN LIABILITI SYARIKAT SUBSIDIARI
BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI	ASET			LIABILITI		
		2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
1.	TDM	672.47	720.80	685.32	527.61	332.89	310.25
2.	SATU	284.54	272.04	253.99	194.56	236.79	251.69
3.	LRT	168.34	183.05	203.94	48.26	52.24	59.95

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI	ASET			LIABILITI		
		2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
4.	GPB	82.98	82.29	83.06	27.35	3.95	2.16
5.	TYI	67.86	65.77	55.70	34.25	22.21	13.95
6.	GPQ	55.51	43.97	53.28	31.20	20.89	30.86
7.	TIP	44.83	30.77	17.19	47.36	33.66	7.55
8.	SPYIT	12.66	11.25	9.41	0.26	3.53	3.66
9.	TIHRM	6.17	6.16	5.17	13.54	14.39	14.32
10.	HTSB	1.27	0.76	0.64	0.32	0.39	0.30
11.	HNSB	1.19	0.38	0.56	14.36	14.62	0.90
12.	TIGFH	0*	0**	0***	7.32	7.38	1.19
JUMLAH		1,397.82	1,417.24	1,368.26	946.39	742.94	696.78

Sumber: Penyata kewangan beraudit syarikat subsidiari tahun 2019, 2020 dan 2021

Nota:
(*) - Nilai sebenar ialah RM1,034
(**) - Nilai sebenar ialah RM1,004
(***) - Nilai sebenar ialah RM8,511

- ii. Pegangan aset syarikat subsidiari menunjukkan peningkatan sejumlah RM19.42 juta (1.4%) pada tahun 2020 dan penurunan sejumlah RM48.98 juta (3.5%) pada tahun 2021. Liabiliti syarikat subsidiari pula menunjukkan penurunan sejumlah RM203.45 juta (21.5%) pada tahun 2020 dan sejumlah RM46.16 juta (6.2%) pada tahun 2021.

iii. Nisbah Semasa Syarikat Subsidiari

- Nisbah semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dan liabiliti semasa bagi mengukur kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar dengan segera ke dalam bentuk tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Norma nisbah semasa yang baik adalah sekurang-kurangnya pada kadar 2:1. Semakan Audit mendapati aset semasa dan liabiliti semasa syarikat subsidiari pada tahun 2021 adalah seperti dalam Jadual 19.

JADUAL 19
ASET SEMASA DAN LIABILITI SEMASA SYARIKAT SUBSIDIARI PADA TAHUN 2021

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	NISBAH SEMASA
1.	TIGFH	0*	1.19	0.01 : 1
2.	TIHRM	2.96	14.23	0.21 : 1
3.	HNSB	0.56	0.55	1.02 : 1
4.	TYI	3.43	3.37	1.02 : 1
5.	SATU	87.30	85.81	1.02 : 1
6.	GPQ	44.51	29.49	1.51 : 1
7.	TDM	250.09	157.50	1.59 : 1
8.	GPB	2.87	1.63	1.76 : 1

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	NISBAH SEMASA
9.	HTSB	0.61	0.29	2.10 : 1
10.	TIP	11.50	3.83	3.00 : 1
11.	LRT	106.76	34.54	3.09 : 1
12.	SPYIT	7.32	1.36	5.38 : 1

Sumber: Penyata kewangan beraudit syarikat subsidiari tahun 2021

Nota: (*) - Nilai sebenar ialah RM8,511

- Analisis Audit mendapati nisbah semasa bagi dua syarikat subsidiari berada pada tahap rendah iaitu TIGFH (0.01:1) dan TIHRM (0.21:1). Perkara ini menunjukkan kemampuan syarikat untuk membiayai liabiliti bagi tempoh jangka masa pendek adalah rendah. Selain itu, nisbah semasa bagi enam syarikat subsidiari berada pada tahap sederhana (nisbah 1.02:1 hingga 1.76:1) manakala tiga syarikat subsidiari mempunyai nisbah semasa yang baik (nisbah 2.10:1 hingga 3.09:1). SPYIT pula mempunyai nisbah semasa yang terlalu tinggi iaitu 5.38:1 menunjukkan aset semasa tidak digunakan secara maksimum.

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

a. Terimaan Dividen oleh TISB

- Bagi tahun 2019 hingga 2021, TISB telah menerima dividen berjumlah RM52.36 juta daripada syarikat subsidiari, syarikat bersekutu, lain-lain pelaburan dan pelaburan tersiar harga. Penyumbang terbesar dividen kepada TISB adalah daripada syarikat subsidiari berjumlah RM14.25 juta (2019) dan RM15.46 juta (2021) manakala pada tahun 2020 adalah daripada syarikat bersekutu berjumlah RM8.32 juta seperti dalam Jadual 20.

JADUAL 20
TERIMAAN DIVIDEN OLEH TISB BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

BIL.	SYARIKAT	JADUAL TAHUN			JUMLAH (RM Juta)
		2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	
Syarikat subsidiari					
1.	TDM	-	-	8.33	8.33
2.	LRT	2.77	4.34	6.77	13.88
3.	GPQ	0.38	-	0*	0.38
4.	GPB	1.10	-	-	1.10
5.	SATU	10.00	1.00	-	11.00
6.	SPYIT	-	-	0.36	0.36
JUMLAH		14.25	5.34	15.46	35.05
Syarikat Bersekutu					
1.	EPIC	-	5.42	0.58	6.00

BIL.	SYARIKAT	JADUAL TAHUN			JUMLAH (RM Juta)
		2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	
2.	YIT Ketengah Perwira Sdn. Bhd.	0.44	0.74	0.45	1.63
3.	Terengganu Safety Training Centre Sdn. Bhd. (TSTC)	0.10	-	0.10	0.20
4.	Ketengah Jaya Sdn. Bhd.	1.08	2.16	2.27	5.51
JUMLAH		1.62	8.32	3.40	13.34
Lain-lain Pelaburan					
1.	Syarikat No. 26975-W	2.36	0.32	1.27	3.95
JUMLAH		2.36	0.32	1.27	3.95
Pelaburan Tersiar Harga					
1.	Syarikat No. 9378-T	0.02	-	-	0.02
2.	Syarikat No. 495846-A	-	0**	-	0**
3.	Syarikat No. 300-K	0***	-	-	0***
4.	Syarikat No. 304376-A	0****	-	-	0****
JUMLAH		0.02	0**	-	0.02
JUMLAH KESELURUHAN		18.25	13.98	20.13	52.36

Sumber: Penyata kewangan beraudit TISB

Nota: (*) - Nilai sebenar ialah RM415

(**) - Nilai sebenar ialah RM365

(***) - Nilai sebenar ialah RM704

(****) - Nilai sebenar ialah RM380

ii. Analisis Audit mendapati TISB **hanya menerima pulangan dividen daripada enam syarikat subsidiari bagi tahun 2019 hingga 2021.**

Enam syarikat subsidiari ini merupakan sebahagian daripada sembilan syarikat sedia ada yang diambil alih semasa penubuhan TISB melalui RE pada tahun 2007.

iii. Selain itu, sebanyak 12 syarikat baharu telah ditubuhkan sepanjang tempoh penubuhan TISB. Bagaimanapun, **kesemua syarikat baharu ini tidak pernah menyumbang pulangan pelaburan kepada TISB.** Semakan Audit mendapati sebanyak lapan daripada 12 syarikat tersebut adalah dorman manakala empat syarikat adalah aktif dan semiaktif. Selain itu, empat syarikat telah membuat pendahuluan dengan TISB dan mempunyai baki berjumlah RM50.43 juta sehingga 31 Disember 2021. Maklumat syarikat tersebut adalah seperti dalam **Jadual 21.**

JADUAL 21
SYARIKAT YANG TIDAK MENYUMBANG PULANGAN PELABURAN

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI	TARIKH PENUBUHAN	PEGANGAN SAHAM (RM Juta)	STATUS	BAKI PENDAHULUAN 31 DISEMBER 2021 (RM Juta)
1.	Hartanah Terengganu Sdn. Bhd. (HTSB)	19 Oktober 2006	1.00	Aktif	-
2.	TI Properties Sdn. Bhd. (TIP)	13 Julai 2007	10.00	Aktif	0.24
3.	TI Offshore Services Sdn. Bhd. (TIOS)	6 Januari 2008	1.10	Dorman	35.96

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI	TARIKH PENUBUHAN	PEGANGAN SAHAM (RM Juta)	STATUS	BAKI PENDAHULUAN 31 DISEMBER 2021 (RM Juta)
4.	TI Hotels & Resorts Management Sdn. Bhd. (TIHRM)	16 Ogos 2010	1.00	Semiaktif	13.13
5.	TI Global Food Holdings Ltd. (TIGFH)	28 Januari 2014	4.25	Aktif	1.10
6.	TI Overseas Resources Ltd. (TIOR)	28 Januari 2014	0*	Dorman	-
7.	TI Overseas Investment Ltd. (TIOI)	29 Januari 2014	0*	Dorman	-
8.	TI Merchandise Sdn. Bhd. (TI MERCHANDISE)	17 September 2014	1.00	Dorman	-
9.	TI Food Ventures Sdn. Bhd. (TIFV)	4 Disember 2015	0*	Dorman	-
10.	TI Silica Sdn. Bhd. (TI SILICA)	29 Mac 2016	0.10	Dorman	-
11.	TI Petroleum Sdn. Bhd. (TI PETROLEUM)	9 Mei 2017	0.10	Dorman	-
12.	TI Infra Sdn. Bhd. (TI INFRA)	12 Februari 2018	0.10	Dorman	-
JUMLAH			18.65		50.43

Sumber: Kumpulan Kewangan Korporat dan Pelaburan, Kewangan dan Setiausaha

Nota: (*) - Nilai sebenar ialah RM2

b. Pembayaran Dividen kepada Pemegang Saham

- i. Berdasarkan peruntukan Subpenggal 6 (Dividen), seksyen 131 hingga 133, Akta Syarikat 2016, dividen boleh dibayar kepada pemegang saham jika syarikat mempunyai keuntungan dan dibenarkan oleh pengarah syarikat. Semakan Audit mendapati **TISB tidak mengisyiharkan dividen bagi tahun 2019 hingga 2021 kepada enam pemegang saham walaupun TISB mencatatkan keuntungan sebanyak RM8.54 juta (2020) dan RM3.56 juta (2021)**. Kali terakhir dividen dibayar adalah pada tahun 2017 berjumlah RM5 juta.
- ii. Semakan Audit juga mendapati pada tahun 2021, Resolusi Pengarah (*Directors Circular Resolution*) No. 9/2021 telah bersetuju untuk membayar sejumlah RM5 juta bagi mengurangkan jumlah pegangan RNCPS kepada pemegang saham seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
PENGURANGAN RNCPS KEPADA PEMEGANG SAHAM PADA TAHUN 2021

PEMEGANG SAHAM	JUMLAH RNCPS		PENGURANGAN RNCPS (RM Juta)
	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	
PMINT	298.76	296.76	2.00
LTAWNT	43.15	42.15	1.00
YT	27.91	26.91	1.00
YIT	23.49	22.49	1.00
JUMLAH	393.31	388.31	5.00

Sumber: Kumpulan Kewangan

Maklum Balas TISB pada 19 Oktober 2022

Pembayaran dividen kepada pemegang saham tidak diisyiharkan kerana syarikat tidak memenuhi syarat pengisytiharan dividen yang termaktub di dalam Seksyen 131 Akta Syarikat 2016. Pada tahun 2021, penebusan RNCPS dibuat berdasarkan Seksyen 72 Akta Syarikat 2016. Pihak syarikat komited dalam memastikan pembayaran dividen kepada pemegang saham dapat dilaksanakan pada masa hadapan, tertakluk kepada Akta Syarikat 2016 dan aliran tunai syarikat.

Pendapat Audit | TISB telah mendapat pulangan dividen melalui pelaburan yang dibuat. Bagaimanapun, pulangan yang diterima ini tidak mampu memberi pulangan kepada pemegang saham TISB kerana tidak memenuhi syarat pengisytiharan dividen.

5.2. Pengurusan Aktiviti

Sebagai sebuah syarikat pegangan pelaburan, TISB bertanggungjawab memantau prestasi aktiviti dan kedudukan kewangan syarikat subsidiari. TISB telah menyediakan polisi secara berasingan antaranya berkaitan dividen, kewangan, pelaburan dan perolehan yang digunakan sebagai panduan termasuk kepada syarikat subsidiari. Hasil semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

5.2.1. Pembayaran Dividen oleh Syarikat Subsidiari

- a. Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1/2018 bertarikh 30 Januari 2018 telah meluluskan polisi pembayaran dividen bagi syarikat subsidiari TISB. Pembayaran dividen adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah syarikat subsidiari masing-masing. Asas penetapan pembayaran dividen adalah sekurang-kurangnya 40% daripada keuntungan selepas cukai (PAT) atau 30% daripada pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA), yang mana lebih tinggi.
- b. Berdasarkan **Jadual 20** di **Perenggan 5.1.2.(a)**, TISB telah menerima dividen daripada enam syarikat subsidiari sejumlah RM35.05 juta bagi tahun 2019 hingga 2021. Merujuk kepada maklumat pembayaran dividen yang disediakan oleh TISB, tiga daripada enam syarikat subsidiari telah membayar dividen mengikut polisi yang ditetapkan iaitu LRT (2019, 2020 dan 2021), GPB (2019) dan SATU (2019) seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
BAYARAN DIVIDEN OLEH SYARIKAT SUBSIDIARI

SYARIKAT SUBSIDIARI	2019 (RM Juta)			2020 (RM Juta)			2021 (RM Juta)		
	40% PAT	30% EBITDA	DIVIDEN DIBAYAR	40% PAT	30% EBITDA	DIVIDEN DIBAYAR	40% PAT	30% EBITDA	DIVIDEN DIBAYAR
TDM	(18.51)	13.24	-	(8.56)	10.75	-	0.33	17.26	8.33
LRT	1.76	2.74	2.77	0.85	2.04	4.34	4.11	4.89	6.77
GPQ	0.36	0.97	0.38	(1.38)	(0.23)	-	0.44	0.89	0*
SPYIT	(4.95)	(3.39)	-	(0.12)	(0.07)	-	(1.73)	(1.27)	0.36
GPB	0.13	1.10	1.10	(2.33)	(0.47)	-	(1.69)	(0.20)	-
SATU	3.28	3.67	10.0	2.33	10.30	1.0	0.50	2.72	-
JUMLAH			14.25			5.34			15.46
JUMLAH KESELURUHAN					35.05				

Sumber: TISB

Nota: (*) - Nilai sebenar ialah RM415

- c. Bagaimanapun, sebanyak **tiga syarikat subsidiari telah membayar dividen tidak mengikut asas penetapan pembayaran dividen iaitu TDM (2021), GPQ (2019 dan 2021) dan SATU (2020)**. Bayaran dividen yang rendah adalah disebabkan keperluan syarikat subsidiari untuk menggunakan tunai bagi operasi dan syarikat mengalami kerugian. Bagi syarikat subsidiari SPYIT pula, bayaran dividen sejumlah RM0.36 juta pada tahun 2021 merupakan pelarasan tunggakan dividen bagi tahun 2012 hingga 2015.

Maklum Balas TISB pada 19 Oktober 2022

Cadangan pembayaran dividen terlebih dahulu perlu mendapat kelulusan Lembaga Pengarah syarikat masing-masing sebelum dilaksanakan. Selain itu, pembayaran dividen yang tidak mengikut asas penetapan pembayaran dividen adalah berdasarkan justifikasi syarikat subsidiari.

Pendapat
Audit

Bayaran dividen oleh syarikat subsidiari tidak sepenuhnya mengikut polisi yang dikeluarkan oleh TISB kerana tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah syarikat subsidiari.

5.2.2. Status Syarikat Subsidiari

- a. Semakan Audit mendapati sebanyak 12 daripada 25 syarikat subsidiari TISB pada tahun 2022 adalah aktif dalam menjalankan operasi perniagaan manakala satu syarikat subsidiari berstatus semiaktif. Selain itu, 12 syarikat subsidiari berstatus dorman bagi tempoh tiga hingga 14 tahun. Setakat tarikh

pengauditan pada 13 September 2022, status syarikat subsidiari TISB adalah seperti dalam **Jadual 24**.

JADUAL 24
STATUS SYARIKAT SUBSIDIARI TISB SETAKAT 13 SEPTEMBER 2022

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI	AKTIVITI UTAMA	STATUS SEMASA RE/ DIAMBIL ALIH	STATUS TERKINI	TAHUN DORMAN (TEMPOH)
Syarikat Diambil Alih Semasa RE					
1.	SATU	Perkhidmatan Bekalan Air	Aktif	Aktif	-
2.	SPYIT	Perkhidmatan Percetakan	Aktif	Aktif	-
3.	YTYI	Perhotelan	Aktif	Aktif	-
4.	GPQ	Kontraktor Pembinaan & Kuari	Aktif	Aktif	-
5.	GPB	Pengurusan Konsesi Hutan & Seni Bina Kaca Panel	Aktif	Aktif	-
6.	TDM	Penanaman Kelapa Sawit & Perkhidmatan Kesihatan	Aktif	Aktif	-
7.	LRT	Perludangan Kelapa Sawit & Perdagangan Minyak Mentah	Aktif	Aktif	-
8.	PEMIKA*	Memproses dan Mengedara Kacang Tanah	Dorman	Dorman	2008 (14 tahun)
9.	SUTERASEMAI*	Perniagaan Sutera, Landskap & Semaian	Aktif	Dorman	2011 (11 tahun)
Syarikat Diambil Alih Selepas RE					
10.	HNSB	Operator Stesen Radio Swasta 'Manis FM'	Aktif	Aktif	-
11.	EPIC	Minyak & Gas serta Kejuruteraan	Aktif	Aktif	-
12.	TMW*	Pelaburan Hartanah	Dorman	Dorman	2013 (9 tahun)
13.	CCH*	Hartanah Perumahan	Dorman	Dorman	2014 (8 tahun)
Syarikat Ditubuhkan Selepas RE					
14.	HTSB	Pelaburan Hartanah	-	Aktif	-
15.	TIP	Pelaburan Hartanah & Pengurusan Aset	-	Aktif	-
16.	TIGFH	Pemegang Lesen dan Harta Intelek Perniagaan Makanan	-	Aktif	-
17.	TIHRM	Perhotelan	-	Semiaktif	-
18.	TIOI	Pelaburan & Perkongsian Perniagaan	-	Dorman	2014 (8 tahun)
19.	TIOR	Pegangan Pelaburan	-	Dorman	2014 (8 tahun)
20.	TIOS	Minyak & Gas	-	Dorman	2016 (6 tahun)
21.	TI SILICA	Pembangunan Projek Silica Valley	-	Dorman	2016 (6 tahun)
22.	TI PETROLEUM	Minyak & Gas	-	Dorman	2017 (5 tahun)
23.	TI INFRA	Pembangunan Digital Negeri	-	Dorman	2018 (4 tahun)
24.	TI MERCHANDISE	Penglibatan Bioteknologi Projek dan yang Berkaitan	-	Dorman	2019 (3 tahun)
25.	TIFV	Francais Restoran Makanan Segera	-	Dorman	2019 (3 tahun)

Sumber: Kumpulan Kewangan Korporat dan Pelaburan

Nota: PEMIKA - Pemika Trengganu Sdn. Bhd.

SUTERASEMAI - Suterasemai Sdn. Bhd.

TMW - Terengganu Marine Works Sdn. Bhd.

CCH - Chicken Cottage Holdings Sdn. Bhd.

- b. Semakan Audit mendapati syarikat PEMIKA adalah berstatus dorman semasa diambil alih oleh TISB pada 12 Mac 2008. Bagi syarikat SUTERASEMAI pula status syarikat adalah aktif semasa pengambilalihan. Bagaimanapun, syarikat tidak menjalankan operasi perniagaan dan berstatus dorman sejak tahun 2011.
- c. Selain itu, semakan Audit juga mendapati sebanyak 10 daripada 16 syarikat yang diambil alih/ditubuhkan selepas RE adalah berstatus dorman manakala enam syarikat berstatus aktif dan semiaktif. Semakan Audit seterusnya mendapati empat syarikat ditubuhkan dengan modal berbayar RM2 iaitu TMW, TIOI, TIOR dan TIFV.
- d. Syarikat TMW dan CCH berstatus dorman semasa diambil alih masing-masing pada tahun 2013 dan 2014. Bagaimanapun, kedua-dua syarikat tersebut tidak pernah menjalankan operasi sejak penubuhan syarikat pada tahun 1996. Selain itu, sebanyak lima lagi syarikat subsidiari yang berstatus dorman juga tidak pernah menjalankan operasi sejak penubuhan syarikat iaitu TIOI dan TIOR (2014), TI SILICA (2016), TI PETROLEUM (2017) dan TI INFRA (2018).
- e. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Lembaga Pengarah bagi h tahun 2019 hingga April 2022 mendapati status syarikat subsidiari yang dorman tidak dibincangkan. Selain itu, semakan Audit mendapati pemantauan melalui semakan prestasi suku tahun dan tahunan hanya dibuat terhadap syarikat subsidiari yang aktif. Berdasarkan maklumat daripada setiausaha syarikat, sebanyak tujuh syarikat subsidiari yang dorman sedang dalam proses penutupan iaitu TMW, CCH, TIOI, TIOR, TIOS, TI MERCHANDISE dan TIFV.

Maklum Balas TISB pada 19 Oktober 2022

TISB akan mengekalkan tiga syarikat dorman iaitu TI SILICA, TI PETROLEUM dan TI INFRA sebagai Syarikat Tujuan Khas (SPV) bagi projek yang berkaitan pada masa hadapan manakala syarikat SUTERASEMAI dan PEMIKA pula dalam perancangan untuk ditutup.

Pendapat Audit	Pengurusan syarikat subsidiari adalah kurang memuaskan kerana sebanyak 12 daripada 25 syarikat subsidiari berstatus dorman bagi tempoh tiga hingga 14 tahun.
-----------------------	---

5.2.3. Pendahuluan kepada Syarikat Subsidiari dan Syarikat Kumpulan TISB

- a. Pendahuluan diberi berdasarkan bajet yang disediakan dan bergantung kepada permohonan dan masalah aliran tunai yang dihadapi oleh syarikat subsidiari dan syarikat kumpulan TISB. Pendahuluan ini tidak dikenakan faedah dan diberi bagi tujuan menampung kos operasi, membiayai projek, bayaran kepada pembekal dan penutupan operasi. Bagi tahun 2019 hingga 2021, pendahuluan berjumlah RM16.38 juta telah diberi kepada lapan syarikat seperti dalam Jadual 25.

JADUAL 25
PENDAHULUAN YANG DIBERI BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

BIL.	SYARIKAT	TAHUN			JUMLAH (RM Juta)
		2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	
1.	TIHRM	0.12	-	4.75	4.87
2.	TIFV	2.35	0.41	-	2.76
3.	Chicken Cottage Limited (CCL)*	-	0.39	2.00	2.39
4.	HNSB	1.90	0.43	-	2.33
5.	YTYI	0.95	0.87	0.32	2.14
6.	TI Global Food Management Ltd. (TIGFM)*	0.95	-	0.35	1.30
7.	TIP	0.04	0.36	-	0.40
8.	TD1303 Sdn. Bhd. (TD1303)*	0.07	0.12	-	0.19
JUMLAH		6.38	2.58	7.42	16.38

Sumber: Kumpulan Kewangan Korporat dan Pelaburan serta Kewangan

Nota: (*) - TD1303 - syarikat subsidiari TISB sehingga tahun 2020

TIGFM - syarikat subsidiari TIOR

CCL - syarikat subsidiari Chicken Cottage Holdings Limited (Syarikat subsidiari TIGFH)

- b. Semakan Audit mendapati syarikat TIFV yang berstatus dorman pada tahun 2019 turut diberi pendahuluan sejumlah RM2.35 juta pada tahun 2019 dan RM0.41 juta pada tahun 2020. Pendahuluan ini diberi untuk membantu melangsinkan hutang dan liabiliti bagi tujuan penutupan syarikat.
- c. Semakan Audit juga mendapati setiap pendahuluan yang diberi telah dikeluarkan surat makluman setelah mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah. Bagaimanapun, **perjanjian pendahuluan dan jadual bayaran balik tidak disediakan**. Ketiadaan perjanjian boleh memberi kesan kepada terimaan bayaran balik pendahuluan daripada syarikat.
- d. Setakat 31 Disember 2021, baki pendahuluan oleh syarikat subsidiari dan syarikat kumpulan TISB berjumlah RM56.46 juta seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
BAKI PENDAHULUAN SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SYARIKAT KUMPULAN TISB
SETAKAT 31 DISEMBER 2021

BIL.	SYARIKAT	BAKI PENDAHULUAN 01.01.2019 (RM Juta) (a)	PENDAHULUAN & BACKCHARGE (RM Juta) (b)	BAYARAN (RM Juta) (c)	PELARASAN (RM Juta) (d)	BAKI PENDAHULUAN 31.12.2021 (RM Juta) (a+b-c-d)
1.	TIOS*	36.22	0**	0.27	-	35.95
2.	TIHRM	8.67	4.95	0.49	-	13.13
3.	SUTERASEMAI*	3.11	0.29	0.06	-	3.34
4.	CCL	0.16	2.42	0.14	-	2.44
5.	TIGFH	1.05	0.05	-	-	1.10
6.	YTYI	21.02	2.16	0.10	22.82	0.26
7.	TIP	14.93	0.42	0.08	15.03	0.24

BIL.	SYARIKAT	BAKI PENDAHULUAN 01.01.2019 (RM Juta) (a)	PENDAHULUAN & BACKCHARGE (RM Juta) (b)	BAYARAN (RM Juta) (c)	PELARASAN (RM Juta) (d)	BAKI PENDAHULUAN 31.12.2021 (RM Juta) (a+b-c-d)
8.	TIOI*	25.43	0.04	-	25.47	-
9.	TIFV*	19.55	2.80	-	22.35	-
10.	GPB	12.12	0***	0.12	12.00	-
11.	HNSB	11.05	2.34	0.02	13.37	-
12.	TIGFM	2.11	1.35	-	3.46	-
13.	TD1303	0****	0.29	0.08	0.21	-
JUMLAH		155.42	17.11	1.36	114.71	56.46

Sumber: Kumpulan Kewangan Korporat dan Pelaburan serta Kewangan

Nota : (*) - Syarikat Berstatus Dorman

(**) - Nilai sebenar ialah RM6,960

(***) - Nilai sebenar ialah RM6,874

(****) - Nilai sebenar ialah RM565

- e. Analisis Audit mendapati lima syarikat iaitu TIOS, SUTERASEMAI, TIGFH, TIOI dan GPB tidak membuat pendahuluan baharu bagi tahun 2019 hingga 2021. Baki pendahuluan bagi kelima-lima syarikat ini adalah daripada tahun sebelum yang masih belum selesai berjumlah RM77.93 juta. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kesemua syarikat ini mempunyai tambahan *backcharge* sepanjang tahun 2019 hingga 2021. Tambahan *backcharge* merupakan perbelanjaan syarikat yang dibayar terlebih dahulu oleh TISB dan kemudiannya didebitkan di dalam akaun pendahuluan syarikat. Bagi lapan syarikat lain pula, pendahuluan sepanjang tahun 2019 hingga 2021 terdiri daripada tambahan *backcharge* dan pendahuluan baharu.
- f. Semakan Audit seterusnya mendapati sebanyak sembilan syarikat telah membuat bayaran pendahuluan bagi tahun 2019 hingga 2021. Empat syarikat iaitu TIGFH, TIOI, TIFV, dan TIGFM tidak membuat sebarang bayaran tetapi mempunyai pelarasan (kecuali TIGFH). Pelarasan bagi syarikat TIOI, TIFV dan TIGFM adalah hapus kira serta penukaran pelaburan TIGFH kepada TIOI pada tahun 2021. Pelarasan pendahuluan bagi lain-lain syarikat pula adalah hapus kira, penukaran pendahuluan kepada RPS dan pindahan hutang yang mengurangkan baki pendahuluan.
- g. Selain itu, semakan Audit juga mendapati pendahuluan tanpa faedah yang diberi kepada syarikat subsidiari menyebabkan TISB dikenakan cukai tambahan dan penalti sejumlah RM4.69 juta pada tahun 2021 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi tahun taksiran 2014 hingga 2019. Keadaan ini mengakibatkan TISB menanggung bayaran cukai yang tinggi pada tahun 2021 dan 2022. Bermula tahun 2021, TISB telah mula mengenakan faedah bagi pendahuluan yang diberi selaras dengan Akta Cukai Pendapatan 1967 dan *Transfer Pricing Guidelines* yang dikeluarkan oleh LHDN.

Maklum Balas TISB pada 19 Oktober 2022

TISB sedang dalam usaha sama menyediakan perjanjian pendahuluan berkonsep islamik dengan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Bagi tujuan itu, satu *Syari'ah Committee* telah ditubuhkan bagi menyediakan draf perjanjian tersebut. Draf perjanjian telah diusulkan kepada pengurusan TISB pada awal bulan Oktober 2022 untuk semakan.

TISB telah mengambil tindakan terhadap syarikat yang tidak membuat bayaran balik pendahuluan seperti berikut:

- penstrukturran semula pendahuluan kepada saham keutamaan dan pembayaran tunai.
- penutupan syarikat yang tidak berdaya saing dan yang bergantung sepenuhnya kepada pendahuluan daripada TISB.
- pelunasan pendahuluan melalui *Asset Monetisation Exercise*; dan
- menyediakan pelan strategik bagi meningkatkan keberhasilan syarikat agar berupaya untuk membuat pembayaran balik pendahuluan secara tunai.

Pendapat Audit | Pengurusan pendahuluan kepada syarikat subsidiari dan syarikat kumpulan TISB adalah memuaskan kerana baki pendahuluan telah menurun kepada RM56.46 juta pada tahun 2021 kecuali perjanjian dan jadual bayaran balik pendahuluan tidak disediakan.

5.2.4. Pinjaman Dengan Kerajaan Negeri

- a. Pada 25 Mei 2015, satu perjanjian novasi telah ditandatangani antara Kerajaan negeri, PMINT dan TISB. Perjanjian ini dibuat bagi tujuan pindah milik pinjaman antara Kerajaan negeri dan PMINT kepada TISB berjumlah RM194.47 juta terdiri daripada prinsipal sejumlah RM141.53 juta dan faedah sejumlah RM52.94 juta. Pinjaman ini merupakan pinjaman yang dibuat oleh PMINT bagi 13 projek yang dijalankan antara tahun 1977 hingga 1991. Pindahan pinjaman ini dibuat melalui persetujuan dalam RE antara PMINT dan TISB pada 1 Mac 2007 bagi melaksanakan aktiviti pelaburan yang sebelumnya dilaksanakan melalui agensi Kerajaan negeri termasuk PMINT. Sehubungan itu, TISB menerima pindah milik aset dan liabiliti di bawah PMINT meliputi pegangan saham, pelaburan, pendahuluan dan agihan liabiliti.
- b. Semakan Audit mendapati setakat tahun 2018, TISB telah membuat bayaran pinjaman sejumlah RM8 juta kepada Kerajaan negeri. Pada 2 Januari 2019, Kerajaan negeri telah meluluskan cadangan penstrukturran semula hutang dan pengecualian bayaran faedah melalui MMKN kali ke-1 Tahun 2019. Melalui penstrukturran ini, TISB dikecualikan pembayaran faedah sejumlah RM52.94 juta dan penstrukturran semula prinsipal sejumlah RM133.53 juta (RM6.67 juta

setahun) untuk tempoh 20 tahun bermula 2019. Pengecualian bayaran faedah ini memberi kesan kepada kedudukan kewangan TISB kerana menjadi item bukan tunai yang diambil kira di bawah lain-lain pendapatan dan perbelanjaan kewangan.

- c. Semakan Audit seterusnya mendapati TISB telah membuat bayaran pinjaman sejumlah RM6.67 juta pada setiap tahun menjadikan baki pinjaman setakat 31 Disember 2021 adalah berjumlah RM113.50 juta.

Pendapat Audit	Pengurusan pinjaman dengan Kerajaan negeri adalah baik kerana TISB mampu membuat pembayaran mengikut jadual yang ditetapkan pada setiap tahun.
----------------	---

5.3. Tadbir Urus Korporat

5.3.1. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. TISB perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016, Perlembagaan Syarikat, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan SOP. Selain itu, antara amalan terbaik yang boleh diguna pakai ialah Malaysian Code on Corporate Governance (MCCG) April 2021, The Green Book - Enhancing Board Effectiveness (Green Book) April 2006 dan Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Disember 2014 [MKD Handbook].

5.3.2. Semakan Audit mendapati TISB telah mengamalkan lapan daripada 10 aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu Pengerusi, Setiausaha Syarikat, Presiden & Pengarah Eksekutif, SOP, KPI, Audit Dalam, Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Imbuhan. Dua aspek yang tidak diamalkan pula ialah Lembaga Pengarah dan JKA seperti dalam **Jadual 27**.

JADUAL 27
PENEMUAN AUDIT BERKAITAN AMALAN TADBIR URUS KORPORAT

ELEMEN	AMALAN TERBAIK	PENEMUAN AUDIT
Lembaga Pengarah	<p>MCCG 2021 (amalan 5.2) dan (panduan 5.5)</p> <ul style="list-style-type: none"> • sekurang-kurangnya separuh daripada komposisi Lembaga Pengarah hendaklah pengarah berstatus bebas. • seseorang yang berkaitan dengan kuasa eksekutif sesebuah Kerajaan dan juga ahli politik adalah tidak digalakkan untuk dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah. 	<ul style="list-style-type: none"> • Enam daripada lapan ahli Lembaga Pengarah berstatus bukan bebas. Enam ahli tersebut terdiri daripada Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan, Pegawai Kewangan Negeri, EXCO Kerajaan Negeri, Penasihat Korporat Menteri Besar dan Presiden & Pengarah Eksekutif TISB. • Dua ahli Lembaga Pengarah TISB yang dilantik mempunyai kuasa eksekutif dalam Kerajaan negeri/ahli politik. Dua ahli Lembaga Pengarah tersebut merupakan Pengerusi merangkap Menteri Besar dan

ELEMEN	AMALAN TERBAIK	PENEMUAN AUDIT
		ahli Lembaga Pengarah yang merupakan EXCO Kerajaan negeri.
JKA	<p><i>Chartered Institute of Internal Auditor, What Every Director Should Know - How to get the most from your internal audit</i>, muka surat 5:</p> <ul style="list-style-type: none"> • JKA hendaklah mengadakan perjumpaan dengan Ketua Audit Dalam sekurang-kurangnya sekali setahun tanpa kehadiran pengurusan syarikat. 	Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada JKA telah mengadakan perjumpaan dengan Ketua Audit Dalam sekurang-kurangnya sekali setahun.

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum Balas TISB pada 19 Oktober 2022

TISB merupakan sebuah syarikat berkepentingan Kerajaan negeri dengan pemegang sahamnya ialah Kerajaan negeri. Lantikan pegawai tertinggi Kerajaan negeri sebagai ahli Lembaga Pengarah dapat membantu menyelaraskan perancangan strategik pada peringkat negeri dan syarikat. Pemakaian amalan 5.2 dan panduan 5.5 juga memberi penekanan kepada syarikat tersenarai manakala TISB merupakan sebuah syarikat sendirian berhad yang telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965. TISB mengambil maklum walaupun MCCG 2021 telah disasarkan kepada syarikat tersenarai, syarikat tidak tersenarai boleh mempertimbangkan pemakaian amalan MCCG 2021 bagi meningkatkan akauntabiliti, ketelusuran dan kelestarian dalam tadbir urus sesebuah syarikat.

Terma Rujukan JKA TISB (*5th revision*) bertarikh 9 Mei 2021 menyatakan “*The Board Audit Committee (BAC) shall meet with the external auditors without the presence of management, at least annually*”. Terma ini menunjukkan amalan perjumpaan JKA dengan Ketua Audit Dalam tidak termaktub dalam keperluan JKA untuk berbuat demikian. Ketetapan ini hanya diguna pakai kepada juruaudit luar sahaja seperti yang dinyatakan dalam Terma Rujukan JKA TISB.

Perjumpaan di antara JKA dan Ketua Audit Dalam pernah diadakan sekali setahun tanpa kehadiran pengurusan syarikat sebelum ini. Perjumpaan tersebut kebiasaannya diadakan sebelum mesyuarat JKA bermula. Namun, perjumpaan tersebut tidak direkod dalam apa-apa dokumen sebagai bukti pengesahan perjumpaan tersebut telah diadakan. Bermula tahun 2023, perjumpaan secara formal antara JKA dan Ketua Audit Dalam akan diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun tanpa kehadiran pengurusan syarikat seperti yang disarankan dan Terma Rujukan JKA TISB juga akan dikemas kini.

Pendapat Audit Secara keseluruhannya, amalan tadbir urus korporat adalah baik. Namun penambahbaikan boleh dibuat bagi aspek Lembaga Pengarah dan JKA.

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

6.1. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan TISB adalah stabil dengan merekodkan keuntungan sebelum cukai sejumlah RM10.46 juta pada tahun 2020 dan RM8.50 juta pada tahun 2021. Keuntungan ini menjadikan kerugian terkumpul menurun kepada RM8.51 juta pada tahun 2021 berbanding RM20.61 juta pada tahun 2019. Bagi tahun 2019 hingga 2021, TISB memperoleh dividen berjumlah RM52.36 juta daripada syarikat subsidiari, syarikat bersekutu, lain-lain pelaburan dan pelaburan tersiar harga.

6.2. TISB telah melaksanakan aktivitinya mengikut objektif penubuhannya. TISB terlibat dalam pelaburan melalui pegangan saham dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu, lain-lain dan pelaburan tersiar harga. Bagaimanapun, pengurusan TISB terhadap syarikat subsidiari adalah kurang memuaskan kerana 12 daripada 25 syarikat subsidiari berstatus dorman termasuk syarikat yang diambil alih/ditubuhkan oleh TISB selepas RE. Aspek tadbir urus korporat pula berada pada tahap baik, namun boleh dibuat penambahbaikan bagi aspek Lembaga Pengarah dan JKA.

7. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan prestasi kewangan dan pengurusan syarikat subsidiari, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah perlu mengambil langkah yang proaktif dan berkesan bagi menangani perkara yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan TISB memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- 7.1. memastikan syarikat subsidiari beroperasi mengikut tujuan penubuhan supaya TISB mendapat pulangan terhadap pelaburan yang dibuat;
- 7.2. mengambil tindakan terhadap syarikat subsidiari yang berstatus dorman bagi mengurangkan tanggungan kewangan TISB; dan
- 7.3. menyediakan perjanjian dan jadual bayaran balik bagi pendahuluan yang diberi kepada syarikat subsidiari dan syarikat kumpulan bagi memastikan bayaran balik dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan.